


16 - 30 JUN, 2022

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# TEMBOK ESPLANADE

## tingkat kualiti ruang awam



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkaitan pada Majlis Perasmian Projek Kerja-kerja Pengukuhan dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

RUPA bentuk tembok penahan ombak berserta sesiaran pejalan kaki yang telah siap.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & LAW SUUN TING**

**PADANG KOTA** - Projek pengukuhan dan penambahbaikan tembok penahan ombak berserta sesiaran pejalan kaki sepanjang 570 meter dari Medan Selera Renong ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah kini siap dan dibuka kepada umum.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa selaras Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa memastikan rangkaian reruang serta kemudahan awam di negeri ini dipertingkatkan bagi membolehkan ketersambungan interaksi sosial di kawasan-kawasan tumpuan umum.

"Misalnya, projek pengukuhan dan penambahbaikan tembok (penahan ombak) di sini yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti reruang awam dengan menyediakan kemudahan yang selesa dan selamat kepada pengunjung serta mampan dan inklusif untuk semua, terutamanya rakyat Pulau Pinang.

"Projek ini merupakan salah satu daripada 14 komponen projek di bawah Pelan Induk Pesisir Pantai Utara Pulau Pinang *(Penang Northern Seafront Masterplan)* melibatkan kos sebanyak RM12.9 juta yang dibiayai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), selain tambahan RM1.4 juta daripada Kerajaan Negeri untuk projek *'linear garden'* yang akan dilaksanakan pada tahun ini sebagai pelengkap fungsi," ujarnya pada Majlis Perasmian Projek Kerja-kerja Pengukuhan dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama dekat sini pada 13 Mei 2022.

Sementara itu, berhubung dakwaan bahawa tembok laut tersebut mempunyai masalah dari segi reka bentuk apabila kawasan di persiaran teres bawah *(lower terrace)* dinaiki air baru-baru ini, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang menyatakan bahawa ia tidak mempunyai masalah dari segi reka bentuk seperti yang ditularkan di media sosial.

"Pihak MBPP telah mengkaji segala perancangan untuk membangunkan kawasan ini dan faktor ombak turut diambil kira.

"Sememangnya, pihak kami (MBPP) menjangkakan bahagian persiaran teres bawah ini akan dipenuhi atau ditenggelami semasa fenomena air pasang besar *(spring tide)* seperti yang terjadi pada 16 dan 17 Mei baru-baru ini.

"(Dan) ini bukanlah fenomena luar biasa yang mana air laut pasang akan berlaku antara 30 hingga 45 hari dalam setahun, semua lokasi tepi laut tidak terlepas daripada mengalami keadaan ini," ujarnya pada sidang media di lokasi pada 18 Mei 2022.

Mengulas lanjut, Tung Seang berkata bahawa pihaknya telah mengambil langkah proaktif dengan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang beberapa meter dari lokasi tersebut.

"Malah, sebagai langkah keselamatan, MBPP turut meletakkan papan tanda pemberitahuan yang memaparkan waktu laluan persiaran teres bawah dibuka iaitu antara jam 7 pagi hingga 9 malam berserta amaran yang melarang masuk semasa air pasang, hujan ataupun ketika ombak kuat dan kanak-kanak mesti ditemani oleh orang dewasa,'' ulasnya.

Difahamkan, kawasan tembok laut tersebut mempunyai tapak dan struktur asal paling tua dan penting dalam sejarah George Town yang mana kawasan persiaran teres bawah ini direka dengan mengekalkan sebahagian daripada tinggalan tembok lama sebagai elemen konservasi warisan.

Malah, pengunjung juga dapat mendekati dan melihat sendiri tinggalan tembok lama tersebut yang mempunyai nilai keaslian warisan dan sejarah sejak tahun 1807.

# Tembok Esplanade, projek paling mencabar dan istimewa

**BULETIN** Mutiara berkesempatan menemu ramah 'orang kuat' di sebalik projek pengukuhan dan penambahbaikan tembok penahan ombak di Esplanade ini.

Projek yang mengambil masa selama 40 bulan untuk disiapkan ini dianugerahkan secara tender terbuka kepada Syarikat Carta Indah Sdn. Bhd. (Carta Indah) selaku kontraktor utama dengan kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM12.9 juta.

Menurut Pengarah Projek **SUKRI SAAD**, sebelum ini Carta Indah pernah terlibat dalam projek pemulihan pantai di Batu Ferringhi di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

"Berdasarkan pengalaman yang ada itu termasuk projek-projek lain sebelum ini, saya percaya bahawa pasukan saya mampu menyelesaikan projek pengukuhan dan penambah baik tembok penahan ombak di sini mengikut kehendak kontrak.

"(Dan) segala kriteria serta syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta lain-lain agensi berwajib di sini, walaupun hakikatnya sukar memandangkan kami perlu bekerja di tengah-tengah tempat tumpuan orang ramai, namun kami berjaya menunaikannya," ujarnya sebagai pembuka bicara.

Mengulas lanjut, Sukri berkata selain terpaksa berdepan dengan keadaan cuaca, pihaknya juga terpaksa berdepan dengan kunjungan orang awam yang sering beriadah di kawasan tersebut.

"Ini bermakna projek ini perlu dilaksanakan secara berperingkat dan tidak dapat melakukan keseluruhannya serentak demi menjaga keselamatan pekerja kami dan juga orang awam di sini.

"Berbeza dengan beberapa projek di negeri-negeri lain yang pernah kami dapat tender, projek ini paling mencabar.

"Kami bukan sahaja terpaksa 'bergaduh' hari-hari dengan keadaan ombak tetapi juga terpaksa memantau keadaan air pasang surut di sini memandangkan projek ini terletak di pesisir laut.



(Dari kiri); MOHAMAD Firdaus Abdullah; Amieroul Iefwat Akashah (berkaca mata); Mohd. Nasrun Mat; Muhammad Amir Che Azib (bertopi biru) dan Sukri Saad (berkemeja hijau) tidak melepaskan peluang merakam momen bersejarah apabila diajak bergambar bersama-sama Ketua Menteri.

"Kalau air pasang kecil, bolehlah kami bekerja lebih masa sikit, tapi apabila air pasang besar, kami hanya boleh bekerja sekitar empat atau lima jam sahaja," ulasnya yang cukup teruja apabila dapat menyempurnakan projek tersebut pada penghujung bulan Mac 2022 lalu.

Beliau yang secara peribadi berbangga dengan kekuatan pasukannya menyiapkan projek turut berkongsi rasa sisi sentimental.

"Apabila esok anak cucu kami mai (berkunjung) ke sini, bolehlah kami beritahu mereka bahawa projek ini projek 'abah' atau 'atuk' yang buat…ada cerita pencapaian yang boleh kami kongsi pada masa depan.

"Cuma satu saya harapkan, orang ramai yang berkunjung ke sini dapatlah menjaga kebersihan serta kemudahan yang disediakan di sini supaya nanti generasi akan datang dapat menikmati suasana sama seperti kita nikmati kini," katanya.

Bercerita tentang pengalaman sebagai Pengurus Projek, **MUHAMMAD AMIR CHE AZIB** memberitahu bahawa semasa beliau dan pasukannya memulakan projek ini, keadaan asal di Padang Kota Lama (Esplanade) agak sempit.

"Kalau kita tengok bahagian atas ini macam kosong, tak ada apa sangat tapi di bahagian bawah laluan di sini terhakis teruk dan memerlukan kami untuk menggunakan jentera berat serta banyak melibatkan kerja-kerja teknikal.

"(Dan) dengan ruangan kerja yang sangat terhad ditambah pula keadaan di sini yang sering sesak dengan pengunjung terutama ketika hujung minggu menyebabkan pergerakan jentera kami sering terganggu," jelasnya ketika ditanya berhubung cabaran yang dihadapi dalam menyiapkan projek berkaitan.

Berbangga dengan hasil akhir projek tersebut, Muhammad Amir turut berkongsi cerita mengenai gerak kerja pasukannya semasa penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020.

"Semasa PKP 1.0, pihak kami memang akur dan ikut arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk hentikan kerja-kerja di tapak, begitu juga semasa PKP 3.0 yang mana kami juga terkesan.

"Pernah juga sekali selepas PKP 3.0, kami terpaksa hentikan kerja di tapak binaan kerana ada dalam kalangan pekerja kami yang dijangkiti virus COVID-19.

"Selain itu, kami juga terpaksa menghadapi kekangan bahan binaan kerana kebanyakan bahan binaan yang kami gunakan untuk projek ini adalah dari luar negara terutama batu granit yang sememangnya kami tempah dari China," katanya yang bersyukur apabila projek ini dapat disiapkan setelah menerima lanjutan tempoh masa selama enam (6) bulan.

Bagi **AMIEROUL IEFWAT AKASHAH**, jurutera projek memaklumkan bahawa projek ini adalah yang paling mencabar.

"Sebelum memulakan kerja, pasukan kami perlu membuat perancangan yang teliti dengan mengambil kira keadaan cuaca dan keadaan ombak besar.

"Kalau keadaan cuaca dan ombak tidak mengizinkan, memang pasukan kami terpaksa hentikan seketika kerja-kerja kerana situasi tidak selamat," katanya yang juga terkenal sebagai 'pakar laut' dalam kalangan rakan sekerja.

Merungkai tentang penemuan tidak sengaja, Amieroul Iefwat tidak menjangka akan menjumpai lima laras meriam ketika kerja-kerja pengorekan di bahagian bawah.

"Pasukan kami memang sentiasa bersedia menghadapi apa jua kemungkinan memandangkan kawasan di Esplanade adalah sebahagian daripada kubu pertahanan tentera pada zaman pemerintahan British dahulu.

"Jadi masa meriam ditemukan, kami perlu tutup tapak binaan dan hentikan kerja bagi memberi laluan kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengalihkan meriam tersebut.

"(Dan) sepanjang projek ini berjalan, sebanyak lima laras meriam ditemukan yang mana turut mengganggu kerja-kerja kami kerana terpaksa menutup tapak binaan ini tapi kami faham.

"Paling mendebarkan apabila ada pekerja kami yang menemukan beberapa butir bom lama di tapak ini dan terpaksa menghubungi Unit Bom (Polis Diraja Malaysia, PDRM) untuk musnahkan bom tersebut.

"Bukan sekali tetapi dua kali kerja-kerja di tapak dihentikan kerana penemuan bom lama yang dianggarkan berusia 200 tahun lebih.

"Walau bagaimanapun, kami amat memahami keadaan ini kerana kawasan ini merupakan Tapak Warisan Dunia, kami sememangnya tidak boleh sewenang-wenangnya mengalihkan artifak yang ditemukan, sebaliknya perlu mendapat kelulusan daripada pihak berwajib," ulasnya yang teruja apabila dapat menyiapkan projek ini mengikut jadual.

Dalam pada itu, bagi **MOHD. NASRUN MAT**, beliau menyatakan bahawa selaku penyelia projek, matlamat utama adalah untuk memastikan projek berkaitan dapat disempurnakan sebaiknya tanpa menjejaskan elemen-elemen warisan yang ada di kawasan tersebut.

"Projek ini tak sama dengan projek-projek membina bangunan kerana ia melibatkan kawasan yang penuh tinggalan warisan dan sejarah.

"Pihak kami perlu bekerjasama dengan pakar daripada Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan George Town Sdn. Bhd. (GTCDC) untuk memenuhi spesifikasi projek terutama untuk mengekalkan elemen warisan di sini," ujarnya.

Rakannya, **MOHAMAD FIRDAUS ABDULLAH** yang juga penyelia projek turut berkongsi ceritanya sendiri.

"Dalam keadaan kekangan masa dan jumlah kerja yang banyak, memang kami terpaksa bekerja lebih masa bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual.

"Memang tak ada cuti, kerja sambung-sambung walaupun dalam bulan puasa," ceritanya yang turut sama merasai pengalaman luar biasa sepanjang projek tersebut dilaksanakan.

Tambahnya, selain mengawal selia pekerja seramai 30 orang, beliau turut bertanggungjawab memastikan semua pekerja berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Struktur tembok penahan ombak berserta sesiaran pejalan kaki sepanjang 570 meter dari Medan Selera Renong ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah telah dibuka kepada umum pada 13 Mei 2022.

Uniknya, beberapa struktur batu-batu tertua yang digunakan untuk membina tembok pada tahun 1807 dikekalkan dan bakal menjadi daya tarikan utama pelancong ke sini.

# GURNEY WHARF tarikan baharu, jangka siap 2025

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PULAU TIKUS -** Projek pembangunan sebuah taman awam bertaraf dunia lengkap dengan kemudahan yang boleh diakses oleh semua rakyat dikenali sebagai Gurney Wharf bersebelahan Persiaran Gurney dekat sini kini memasuki fasa pembinaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek yang menelan belanja kira-kira RM200 juta tersebut bakal dilaksanakan secara berfasa dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2025.

"Inisiatif pembangunan Gurney Wharf ini diilhamkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2016 yang mana sesi libat urus diadakan dengan semua pemegang taruh termasuk penduduk Pulau Pinang (melalui pameran dan publisiti awam) bagi mendapatkan pandangan, input dan maklum balas.

"Projek ini bakal mempunyai laluan awam bagi pejalan kaki *(promenade)* pemandangan laut; taman rekreasi kanak-kanak; astaka, ruang parkir dan lain-lain kemudahan untuk dinikmati seisi keluarga.

"Ia dilihat sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, memberi nilai tambah serta limpahan ekonomi untuk penduduk di kawasan sekitar dan negeri ini sekali gus bakal menjadi antara tarikan terbaharu selaras Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara iaitu dalam memastikan kemudahan disediakan memberi manfaat kepada semua rakyat terutama rakyat Pulau Pinang.

"(Dan) Kerajaan Negeri juga mengambil maklum akan perkara-perkara berbangkit yang mana saya pasti pihak berkepentingan dalam pelaksanaan projek ini peka dengan situasi serta memastikan perlindungan terhadap alam sekitar dan kawasan marin dijaga," ujarnya pada sesi sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Gurney Wharf di sini 14 Mei lalu.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut, Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Turut mengiringi, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; mantan Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memaklumkan bahawa fasa pembinaan terbahagi kepada dua peringkat.

"Peringkat satu, pada dasarnya adalah mewujudkan taman hijau yang akan bermula dari Jalan Pangkor dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan.

"Manakala peringkat dua, akan dibangunkan ruangan parkir bertingkat, astaka dengan reka bentuk bumbung yang bakal jadi ikonik dan kawasan dermaga serta jeti yang mana dianggarkan mengambil masa kira-kira 24 bulan untuk disiapkan.

"Kedua-dua peringkat ini berjalan serentak dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 24 bulan selepas ini," jelasnya yang berharap agar projek berkenaan dapat direalisasikan selepas tertangguh selama dua tahun akibat pandemik COVID-19.



ILUSTRASI grafik projek pembangunan Gurney Wharf.



KETUA Menteri memberi penerangan berhubung projek Gurney Wharf kepada TYT berpandukan lakaran artis usai Majlis Pecah Tanah Gurney Wharf di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan agar pelaksanaan projek tersebut dijalankan secara tender terbuka dan bersetuju melantik TETO Engineering Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama.

"Manakala bagi lantikan sub kontraktor melibatkan kerja-kerja *soft landscape*, taman papan selaju dan taman permainan, kejuruteraan marin serta kerja bumbung keluli hanya akan diumumkan kemudian.

"(Dan) diharapkan dengan lantikan perunding serta kontraktor yang berkelayakan, projek Gurney Wharf ini dapat direalisasikan dengan sempurna dan mematuhi segala spesifikasi yang ditetapkan.

"Malah, aliran trafik di kawasan pembinaan juga telah dirancang dengan teliti bagi memastikan semua orang termasuk pejalan kaki selamat," katanya.

Terdahulu, sebanyak 95 peratus responden yang menyertai sesi pameran dan publisiti awam selama dua minggu bersetuju dengan pelaksanaan projek ikonik persiaran pantai - Gurney Wharf.

Sebagai rekod, Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Eastern & Oriental Berhad telah menyerahkan 131 ekar tanah tebus guna kepada Kerajaan Negeri yang mana 40 ekar daripadanya diperuntukkan untuk taman awam.

## RTB Parit 5 berupaya kurangkan impak babit keluasan banjir 90%

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BUKIT TENGAH –** Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Parit 5 Sungai Juru yang siap pada 21 April tahun lalu dapat mengurangkan impak keluasan banjir sebanyak 90 peratus iaitu daripada 2.2 kilometer (km) persegi kepada 0.12km melibatkan kawasan perumahan dan komersial.

Menurut Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari, RTB Parit 5 merupakan tiga daripada lapan projek berimpak tinggi Kerajaan Negeri yang berjaya disiapkan selain daripada RTB Mak Mandin dan RTB Parit 4 setakat ini.

"RTB Parit 5 ini dibiayai 100 peratus oleh Kerajaan Negeri melibatkan dana RM14.6 juta dilengkapi dua pam berkapasiti lima meter kiub per saat dan mula dibina pada 16 Mac 2018.

"Rumah pam yang dilengkapi dua unit pam ini dapat mengurangkan impak banjir melibatkan kawasan Taman Setul, Taman Setul Jaya, Taman Mangga dan Taman Pinang.

"Manfaat secara langsung kepada penduduk setempat diharapkan dapat mengurangkan risiko banjir di jajaran sepanjang 2.54km melibatkan kawasan perumahan dan komersial," ujarnya pada sesi lawatan khas di sini 24 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Zainuddin Yusoff.

ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) dan Gooi Hsiao-Leung (kanan sekali) pada sesi lawatan khas di rumah pam RTB Parit 5 Sungai Juru di sini baru-baru ini.



Difahamkan, rumah pam RTB Parit 5 mampu memuatkan tiga pam, namun untuk sementara waktu, hanya diletakkan dua pam dan penambahan akan dilakukan sekiranya keadaan memerlukan.

"Selain itu, skop projek juga merangkumi jambatan air, kolam takungan seluas 500 meter persegi dan jambatan penghubung," ulasnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Sejurus itu, Zairil turut mengadakan lawatan ke RTB Parit 4, Jalan Juru bernilai RM17 juta dan telah siap 30 Mac 2021.

Difahamkan, fungsi utama RTB Parit 4 adalah bagi mengurangkan risiko banjir melibatkan jajaran 4.7km meliputi Taman Desa Damai, Taman Belimbing, Taman Jambu Madu, Taman Jambu Mawar serta Kampung Dock dan Tok Keramat.

# Taman Kejiranan Desa Mawar lokasi rekreasi komuniti



KEPELBAGAIAN hiasan landskap yang menarik.

Gambar : **ALISSALA THIAN**




KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Desa Mawar di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM -** Pelaksanaan projek Taman Kejiranan Desa Mawar sejak lapan bulan lalu dan siap sepenuhnya kini adalah membabitkan perbelanjaan berjumlah RM686,470.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa trek jalan kaki, gimnasium luaran, taman permainan kanak-kanak, tempat mengecas berasaskan tenaga solar dan pelbagai kemudahan yang diwujudkan di taman tersebut adalah berdasarkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

"Pembangunan mampan seperti ini secara tidak langsung mampu menarik lebih ramai pelabur asing untuk datang ke Pulau Pinang.

"Ini dibuktikan apabila jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan ke Pulau Pinang pada tahun 2021 adalah berjumlah RM76.2 bilion.

"Dengan jumlah tersebut, Pulau Pinang telah menjadi penyumbang kepada ekonomi negara, dan kita akan meneruskan usaha-usaha ini kerana kita mampu untuk melakukannya," ujar yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Desa Mawar di sini 27 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran.

Dalam pada itu, Soon Siang menyatakan bahawa pihaknya sedaya upaya akan menjaga kawasan tersebut daripada aktiviti vandalisme.

"Ini adalah sebagai langkah menghargai usaha keras pelbagai pihak dan agensi terlibat dalam menyiapkan taman berkeluasan 6,855 kaki persegi ini," katanya.

## Bangunan GBI, Pulau Pinang negeri ketiga tertinggi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MBSP**

**SEBERANG JAYA –** Pulau Pinang merupakan negeri ketiga tertinggi dalam negara yang memiliki jumlah bangunan dengan penarafan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sehingga kini, Pulau Pinang mempunyai 59 bangunan dengan penarafan GBI merangkumi kawasan lantai seluas 23.3 juta kaki persegi.

Menurut beliau, dengan keluasan tersebut, Pulau Pinang dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sekitar 69.5 metrik tan setahun.

"Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif penarafan bangunan hijau bagi memastikan sasaran untuk menjadi Bandar Rendah Karbon tercapai.

"Selain GBI, Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan penggunaan sistem penarafan bangunan hijau yang lain bagi menyokong pembangunan Bandar Rendah Karbon di negeri ini," katanya pada Majlis Perasmian Taman Rekreasi Awam 'Sembilang Symbiosis' dekat sini pada 26 Mac lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP, Baderul Amin Abdul Hamid; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, Nur 'Aishah Md. Norodin dan wakil-wakil daripada Jabatan Landskap Negara.

Mengulas mengenai pembangunan Taman Rekreasi Awam 'Sembilang Symbiosis', Jagdeep memberitahu bahawa projek tersebut merupakan antara langkah Kerajaan Negeri dalam menambah baik kemudahan rekreasi sedia ada di negeri ini.

"Pembangunan taman rekreasi ini adalah merupakan antara projek di bawah Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan dan Naik Taraf Taman Awam, Jabatan Landskap Negara dengan kos keseluruhan berjumlah RM435,930.



JAGDEEP Singh Deo (barisan depan, berkemeja putih) bersama-sama Azhar Arshad (berkemeja kelabu) dan pihak-pihak berkaitan ketika merasmikan Taman Rekreasi Awam 'Sembilang Symbiosis' di sini baru-baru ini.

"Projek ini juga dapat memberi nilai tambahan terhadap kawasan-kawasan lapang sedia ada yang berfungsi sebagai *'green lung'* untuk kegunaan masyarakat setempat," katanya sambil menambah bahawa sebanyak 452 batang pokok telah ditanam di kawasan tersebut.

Dalam pada itu, Azhar memberitahu bahawa projek tersebut dibangunkan dalam tempoh 17 minggu bermula dari 17 September 2021 sehingga 14 Januari 2022.

"Ia merupakan sebahagian daripada program membangunkan lot permainan dan padang permainan di taman rekreasi awam yang strategik di Seberang Perai.

"Antara kemudahan awam yang dinaik taraf di taman ini adalah membabitkan laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal, dataran kejat, gelanggang serbaguna, alat permainan individu, kerusi bersepadu dan individu, kerusi taman, *wall climbing*, gimnasium, papan tanda nama serta wakaf.

"Taman ini digelar 'Sembilang Symbiosis' kerana menggunakan persekitaran sedia ada yang saling bergantung antara satu sama lain dan diterjemahkan dalam reka bentuk yang kontemporari.

"Pelbagai kemudahan rekreasi disediakan untuk masyarakat pelbagai lapisan daripada kanak-kanak sehingga dewasa di taman ini diterjemahkan dalam reka bentuk yang kontemporari," ujarnya lanjut.

# TTM Technologies labur RM550 juta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




KETUA Menteri bersama-sama dif-dif jemputan menyempurnakan majlis pecah tanah TTM Technologies di sini baru-baru ini.

**BUKIT TAMBUN –** Syarikat perintis pengeluar papan litar bercetak (PCB) berteknologi tinggi tersenarai di bursa Nasdaq, *TTM Technologies Incorporated* (TTM Technologies) memilih Pulau Pinang untuk melebarkan sayap produksi yang pertama di Asia Tenggara dengan nilai pelaburan mencecah AS$130 juta atau RM550 juta sehingga tahun 2025.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TTM Technologies, Thomas Edman berkata bahawa pembinaan sebuah kilang produksi dan gudang di Pulau Pinang adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan tinggi terhadap rantaian bekalan PCB di luar wilayah China.

"Kami (TTM Technologies) memilih Pulau Pinang sebagai lokasi kilang baharu setelah melakukan pertimbangan menyeluruh serta teliti terhadap pelaburan, kos operasi, jarak dengan pelanggan serta sokongan rantaian bekalan elektrik dan elektronik (E&E).

"Secara keseluruhan, dari segi kos, Malaysia mempunyai kelebihan tetapi keupayaan infrastruktur menjadi pendorong terbesar untuk kami memilih Pulau Pinang.

"Malah, kami juga mempunyai pelanggan di sini (Pulau Pinang) yang menggunakan perkhidmatan kami termasuk syarikat pengeluar (secara kontrak) dan pengilang peralatan asal (OEM)," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah di *Penang Science Park*, Simpang Ampat dekat sini 25 April lalu.

Menurut Edman, fasiliti baharu tersebut bakal memberi perkhidmatan terhadap pasaran komersial global TTM Technologies termasuk rangkaian komunikasi, pusat data pengkomputeran, rangkaian peralatan perubatan, industri dan instrumen.

"Fasiliti baharu seluas 700,000 kaki persegi di bahagian utara *Penang Science Park* ini mempunyai susun atur automasi yang dilengkapi dengan kemudahan canggih, mampan dan mesra alam.

"(Dan) ia sekali gus membuktikan komitmen kami terhadap amalan terbaik alam sekitar dengan penggunaan tenaga suria sebagai sumber tenaga dan kaedah pelupusan kitar semula serta rawatan sisa terkini.

"Saya percaya dengan pelaburan ini, sebanyak 800 hingga 1,000 peluang pekerjaan bakal diwujudkan dalam tempoh tiga tahun bergantung kepada keupayaan tenaga kerja dan kejuruteraan kami.

"Kami juga sedang mempertimbangkan pendekatan untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan, universiti dan institusi tempatan dalam membangunkan bakat di sini," jelasnya.

Dalam pada itu, Naib Presiden Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Operasi TTM Technologies, Philip Titterton memuji dedikasi dan prestasi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan *InvestPenang*.

"Saya berada di sini semasa pandemik dan pendekatan MIDA serta pasukan daripada *InvestPenang* bekerja adalah sungguh luar biasa, sangat berbeza berbanding pengalaman di tempat lain.

"(Dan) inilah salah satu ciri yang membuat kami memilih Pulau Pinang, Malaysia," zahirnya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang turut serta menyempurnakan majlis pecah tanah tersebut menzahirkan ucapan tahniah kepada TTM Technologies dan semua pihak terlibat dalam merealisasikan pembangunan tersebut.

"Saya difahamkan pembinaan kilang tersebut dijadualkan bermula pada Mei 2022 dan mengambil masa antara 12 hingga 15 bulan sebelum mula beroperasi yang dijangka pada separuh kedua 2023.

"Pulau Pinang secara meluas dianggap sebagai salah satu pemain utama dalam industri semikonduktor global khususnya dalam bidang pemasangan dan ujian komponen E&E.

"(Dan) bersandarkan rekod kecemerlangan dalam industri pembuatan selama lima dekad, negeri ini terus komited untuk mengukuhkan lagi kelompok industri yang mampan.

"Penambahan TTM Technologies sebagai peneraju utama global dalam pengeluaran PCB akan meningkatkan lagi keupayaan bakat tempatan dalam penyelesaian PCB termaju dunia," ujarnya.

Dalam majlis sama, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut merakamkan penghargaan kepada pihak MIDA, *InvestPenang* dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atas sinergi ketiga-tiga pihak dalam projek berkaitan.

Terdahulu, Kon Yeow hadir menyempurnakan majlis pecah tanah berkaitan yang turut dihadiri oleh Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

Difahamkan, TTM Technologies turut menjadi pengeluar komponen frekuensi radio (RF) dan mikroelektronik dengan jangkaan hasil perolehan sebanyak AS$180 juta atau RM761.5 juta pada tahun 2025 nanti. Syarikat berkaitan juga dalam perancangan mengembangkan pengoperasian Fasa 2 yang dilihat mampu meningkatkan pengeluaran sebanyak 25 peratus.

## Pelaburan Simmtech tingkat kapasiti guna tenaga buruh

**BUKIT TAMBUN -** Simmtech, sebuah firma semikonduktor pembuatan global yang berpangkalan di Korea Selatan menerusi anak syarikatnya, Sustio Sdn. Bhd. (Sustio) secara rasmi membuka operasi kilang baharu di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini.

Semasa menyampaikan ucapan perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow antara lain berharap dengan pembukaan industri tersebut, ia akan mendorong lebih banyak lagi pelaburan langsung asing (FDI) dari negara Republik Korea ke Pulau Pinang.

Di samping itu, beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut merakamkan penghargaan kerana Sustio pada Mei tahun lepas telah mengumumkan untuk melabur kira-kira RM600 juta di negeri ini.

"(Dengan kemasukan pelaburan tersebut), saya difahamkan bahawa Sustio telah mengambil kira-kira 700 pekerja dan dijangka meningkatkan kapasiti guna tenaga buruh penuh sehingga 1,000 orang pada tahun ini.

"Sesungguhnya, Pulau Pinang merupakan destinasi penting sektor pembuatan terutamanya untuk produk elektrik dan elektronik di Malaysia, dan merupakan antara hab paling rancak di seluruh dunia dengan menyumbang lebih 5 peratus jualan semikonduktor global.

"Dengan jolokan sebagai 'Lembah Silikon Timur', saya berharap ekosistem perindustrian Pulau Pinang akan terus kukuh dan terus menarik minat pelabur domestik serta pelabur asing ke negeri ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada majlis berkaitan pada 9 Mei 2022.

Duta Republik Korea ke Malaysia, Lee Chi Beom; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lim Bee Vian; Naib Presiden Kanan Micron Technology, Gursharan Singh dan Pengarah Urusan Simmtech Rantau Asia Tenggara, Jeffery Chuan turut berucap pada majlis perasmian pembukaan industri tersebut di atas tanah kilang seluas 18 ekar di sini.

Hadir sama, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Penasihat Khas Ekonomi Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif *Invest Penang*, Dato' Loo Lee Lian; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Baderul Amin Abdul Hamid dan Pengerusi Simmtech Sdn. Bhd., Chun Se Ho.

Pada sidang media selepas itu, Jeffery Chuan memberitahu bahawa pihaknya memilih Pulau Pinang kerana negeri ini mempunyai sistem rantaian bekalan yang mudah serta mencukupi, selain mempunyai tenaga kerja mahir berkualiti.

Di samping melabur di negeri ini, tambah beliau, pada masa hadapan, pihaknya berharap dapat saling bekerjasama dengan ahli akademik serta institusi-institusi pengajian tinggi tempatan berkenaan demi kepentingan strategik secara bersama.

# Kekurangan fizikal tidak henti perjuangan hasilkan replika feri


OMAR Juree menunjukkan replika yang diukirnya.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**PADA** masa kini, amat sukar untuk kita menemui individu yang berkemahiran dalam menghasilkan replika yang sangat realistik dengan hanya menggunakan papan lapis dan kayu.

Meskipun mempunyai kekurangan dari segi fizikal, ia tidak mematahkan semangat **OMAR JUREE**, 64, untuk meneruskan lagi karya serta minatnya dalam menghasilkan replika khususnya feri Pulau Pinang.

Difahamkan, minat Omar terhadap reka bentuk dan seni bina feri Pulau Pinang bermula sejak tahun 1970 yang mana pada ketika itu, beliau gemar mengambil gambar dan kemudiannya membuat lakaran di rumah.

“Sebagai makluman, sewaktu itu, saya bekerja sebagai mekanik dan pada masa sama saya belajar mengenai kejuruteraan feri secara suka-suka.

“Namun, untuk menunaikan impian membina sebuah feri adalah sangat sukar, jadi dari situ saya mula membuat ukiran kayu berdasarkan gambar-gambar yang telah diambil,” ujar bapa kepada tiga orang cahaya mata itu.

Di samping itu, Omar turut memaklumkan bahawa minatnya dalam menghasilkan replika feri tetap diteruskan walaupun telah mendirikan rumah tangga bersama-sama isteri tercinta, Siti Fatimah Abu Bakar.

## Perlukan kesabaran

Menurut Omar, proses menghasilkan replika feri memerlukan kesabaran yang tinggi.

“Ini kerana saya mengikuti setiap perincian reka bentuk feri sebenar yang mana saya memerlukan tempoh masa hampir dua minggu untuk mendapatkan hasil yang benar-benar kemas.

"Tambahan pula, replika yang dihasilkan bukan hanya bersaiz kecil, malahan terdapat juga sebesar 122 sentimeter (cm)," katanya sambil menambah bahawa replika berkaitan dijual pada harga RM200 hingga RM800 mengikut saiz.


SIJIL penghargaan dan gambar-gambar kenangan milik Omar Juree.

Difahamkan, sebanyak 500 replika feri telah berjaya dijual sejak tahun 1980 iaitu pada detik Omar mula bertapak dalam bidang perniagaan.

"Setiap kali pelanggan ingin menempah khas sesebuah replika, mereka diminta untuk *'self-pick-up'* replika yang ditempah memandangkan saya tidak menyediakan sebarang perkhidmatan penghantaran.

"Hal ini disebabkan struktur replika yang tidak terlalu kukuh dan mungkin akan menyebabkan keretakan jika dihantar menggunakan perkhidmatan kurier," luahnya yang khuatir akan keadaan replika yang akan rosak sebelum sampai ke tangan pelanggan.

Omar turut menerima tawaran untuk menyertai pertunjukan (demonstrasi) penghasilan replika feri di Galleria@Kotaraya, Johor serta menerima sijil penghargaan.

"Saya dan isteri pergi ke Johor dengan menaiki bas sambil membawa lima replika feri yang telah siap untuk dijual, dan alhamdulillah kesemuanya dibeli, malahan terdapat juga permintaan tambahan.

"Dalam pada itu, saya juga berkesempatan melakukan demonstrasi bermula dengan proses memotong kayu, mengukir, mengecat dan seterusnya dipamerkan kepada khalayak ramai," ceritanya sambil menambah bahawa beliau sempat mengaut keuntungan sebanyak RM800.

## Terus nekad semai minat

Mengakhiri sesi wawancara bersama Buletin Mutiara, Omar menceritakan keadaannya kini yang sudah tidak mampu untuk bergiat aktif seperti dahulu.

"Oleh kerana masalah kesihatan yang tidak mengizinkan, saya perlu memotong sebelah kaki dan hanya bergerak menggunakan kerusi roda.

"Akan tetapi, minat yang saya semai selama 20 tahun ini tidak terkubur begitu sahaja kerana saya tetap akan menghasilkan replika bersaiz biasa mengikut kemampuan dan kesihatan diri," ulasnya.

Difahamkan, selain feri Pulau Pinang, Omar juga menghasilkan replika kereta api Bukit Bendera sekiranya terdapat permintaan.




Oleh: **AZMI HUSSIN**



MOHD. Bazid Abdul Kahar.

# Hampir 43 tahun berkhidmat
## syukur timba pelbagai pengalaman pacu PDC

SIAPA sangka, keputusan menyertai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada tahun 1979 sebagai juruteknik berjaya mengorak langkah **DATO' MOHD. BAZID ABDUL KAHAR** ke jawatan paling penting dalam syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) tersebut iaitu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Mohd. Bazid memberitahu wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **CHAN KOK KUAN** bahawa pelan awal beliau adalah melanjutkan pengajian sekurang-kurangnya pada peringkat sarjana muda.

Berbekalkan Sijil Perancangan Bandar dan Desa dari Institut Teknologi MARA, ITM (kini UiTM), beliau menyertai PDC dan 'mewakafkan tenaga' selama 43 tahun dengan GLC tersebut sebelum bersara.

"Saya akui keputusan peperiksaan MCE *(Malaysia Certificate of Education)* tahun 1976 saya tidak begitu cemerlang, lebih kurang pangkat dua, jadi nak sambung ke diploma pun tidak layak.

"Tambahan pula, keputusan matematik yang kurang memuaskan, (oleh kerana) saya memang meminati jurusan perancangan bandar dan desa, saya sambung juga peringkat sijil.

"Tamat (pengajian peringkat) sijil, saya datang temuduga di PDC dan alhamdulillah saya diterima bekerja sebagai juruteknik dengan berbekalkan sijil yang ada," ujarnya yang mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh, Perak.

Sejujurnya, Mohd. Bazid mengakui bahawa beliau pernah berada pada persimpangan - sama ada kerjaya atau menyambung pembelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Ini kerana, menurut beliau, keputusan sijil diperoleh amat baik dan layak menyambung ke peringkat diploma dan seterusnya sarjana muda.

Mengambil kira faktor lain seperti mempunyai 11 adik-beradik dan bukan dari keluarga berada, Mohd. Bazid berkata akhirnya beliau nekad terus bekerja di PDC dekat Batu Gantung dengan gaji RM445 sebulan.

### Projek pertama dan kerjaya awal

Sambil tersenyum, Mohd. Bazid memberitahu bahawa beliau masih ingat tarikh hari pertama melaporkan diri sebagai pekerja di PDC, iaitu pada tanggal 3 September 1979.

"Antara tugasan pertama saya pada masa itu adalah melukis pelan bagi pembangunan rumah pangsa di Jalan Macallum dan beberapa kawasan lain di (bandar baharu) Bayan Baru.

"Saya diletakkan di bawah bos saya ketika itu, Cheah Phee Hin, seorang yang *'humble'* dan banyak memberi tunjuk ajar kepada saya.

"Phee Hin antara indvidu yang bertanggungjawab membawa saya masuk dan menyuntik semangat saya untuk terus kekal di sini," jelas anak kelahiran Tapah, Perak itu lagi.

Tidak lama selepas beberapa tahun berbakti di PDC, ibarat rezeki datang bergolek, Mohd. Bazid menyatakan bahawa beliau ditawarkan untuk menyambung pengajian ke peringkat Diploma ITM dalam jurusan perancangan bandar dan desa.

Berkat usaha dan ketekunan, pada tahun 1985, beliau berjaya menggenggam segulung *'Advance Diploma'* dalam bidang Perancang Bandar dan Desa dari ITM.

"Sejurus balik ke PDC tahun yang sama (1985), pada 20 Ogos 1985, saya memegang jawatan sebagai Penolong Pengurus Perancang Bandar.

"Bos saya pada ketika itu ialah Datuk Roslan Ibrahim, sekarang ini CEO di Bertam Properties.

"Pada Mei 1993, saya dilantik menjadi timbalan pengarah, seterusnya pengarah, tahun 2007 naik gred J54, tahun 2018 naik kepada VU7 ataupun JUSA C dan Februari 2019 JUSA B (CEO)," ujarnya yang turut bersara pada tahun 2019 sebelum dilantik secara kontrak hingga tahun 2021.

### Perkhidmatan

Selama 42 tahun tiga bulan bersama-sama PDC, Mohd. Bazid memberitahu bahawa beliau bertuah kerana pernah bekerja di bawah pentadbiran empat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tidak cukup setakat itu, Mohd. Bazid berkata bahawa beliau juga bersyukur kerana berjaya menimba pengalaman di bawah enam Pengurus Besar PDC dan pernah digelar sebagai 'pakar setinggan'.

"Antara kes pemindahan yang saya ingat adalah satu ladang telur di Bukit Jambul, kalau tidak pindah ladang ayam itu, Jalan Bukit Gambir tidak mungkin dapat dibina.

"Mula-mula memang bergaduh, suruh pindah memanglah bergaduh, namun setelah berunding, pemilik terus jadi kawan saya dan beliau bersetuju untuk pindah ke Seberang Perai.

"Selain itu, saya turut terlibat dengan pemindahan gerai-gerai tidak sah di atas tanah PDC dekat Bayan Baru, macam-macamlah pengalaman dilalui, sampai pernah terima peluru serta diugut," kongsinya.

Dalam ketawa kecil, Mohd. Bazid turut menceritakan pengalaman mistik yang beliau tidak boleh lupa sehingga hari ini iaitu mengenai sepohon pokok besar di Bayan Baru yang tidak dapat ditebang untuk tujuan projek pembangunan telah dirancang pada peringkat PDC.

### Dilantik sebagai CEO

Bagi Mohd. Bazid, pelantikan sebagai CEO PDC adalah simbol kepercayaan dan tanggungjawab daripada pucuk pimpinan Kerajaan Negeri serta rakyat.

Menyedari hakikat itu, Mohd. Bazid memberitahu bahawa beliau nekad melakukan perubahan iaitu 'membawa PDC kembali ke era kegemilangan'.

"Era (kegemilangan) dahulu, PDC ini terkenal dan sangat dihormati, sampaikan pihak berkuasa tahan kenderaan nak saman tidak jadi buat demikian sebab ada rasa hormat kepada PDC… lagipun mungkin kesalahan kecil sahaja.

"Saya tanamkan hasrat untuk membawa semula kegemilangan, inklusif dan pelbagai nilai positif lain.

"Untuk itu, saya bangkitkan pembudayaan keluarga dalam PDC, hormat antara satu sama lain tanpa kira pangkat, kerana saya percaya budaya kerja yang baik dan bersemangat mampu memacu PDC ke landasan kegemilangan semula," ulasnya yang turut memulakan inisiatif mengecat bangunan PDC Bayan Baru dengan corak grafik sebagai simbol pembaharuan.

Kini, setelah 'meninggalkan' PDC, beliau boleh berbangga dengan pencapaian bersama-sama iaitu kejayaan menaikkan sasaran *'revenue'* firma daripada 80 peratus kepada 126 peratus serta perbelanjaan sebanyak 90 peratus.

"Sebelum meninggalkan PDC, saya bersyukur kewangan PDC berada pada tahap yang baik dan membanggakan," jelasnya.

### Harapan

Selepas menamatkan perkhidmatan di PDC, Mohd. Bazid mengakui beberapa syarikat turut melamar beliau.

Namun, beliau menolak dengan baik untuk sementara waktu.

"Cukuplah, sudah berumur 63 tahun, saya pun nak berehat dengan keluarga, cucu pun sudah ada tiga.

"Harapan saya agar PDC terus maju dengan wadah pembangunan mampan, di samping pengurusan yang baik selari dengan hasrat dan visi Kerajaan Negeri.

"Saya juga percaya apa yang saya tinggalkan di PDC boleh ditambah baik oleh Ketua Pegawai Eksekutif sekarang, Aziz Bakar dalam memacu PDC ke arah yang lebih tinggi," ujarnya menutup bicara sepetang bersama-sama Buletin Mutiara.



BERSAMA-sama bekas rakan sepejabat.



ROZITA Mohamad menunjukkan produk roti kukus keluarannya.

# TABUNG TANI bantu usahawan kecil

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**DALAM** usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri keusahawanan, Kerajaan Negeri bertindak menubuhkan Tabung Usahawan Tani (TUT) yang menyediakan pinjaman mikro kredit tanpa faedah pada tahun 2015.

Melalui TUT, usahawan muda yang berusia bawah 40 tahun layak meminjam maksimum RM6,000 manakala usahawan berusia lebih 40 tahun pula (RM5,000) dengan had umur diperluaskan sehingga 60 tahun.

Sehingga Mac tahun ini, seramai 144 usahawan dalam sektor pertanian di negeri ini telah menerima manfaat daripada skim pinjaman tersebut dengan peruntukan berjumlah RM980,000 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## Roti kukus istimewa

Pengusaha roti kukus di bawah jenama Yada Rieyta Enterprise, **ROZITA MOHAMAD**, 44, antara yang menerima manfaat daripada program tersebut selepas dua kali layak menerima pinjaman masing-masing berjumlah RM5,000 pada 2017 dan RM10,000 (2020).

Ketika ditemui Buletin Mutiara sempena wawancara khas baru-baru ini, Rozita memberitahu bahawa beliau memulakan perniagaan roti kukus pada tahun 2015 secara kecil-kecilan dengan modal permulaan sebanyak RM1,000.

Kemudian pada tahun 2017, beliau mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan tersebut secara serius selepas terpaksa berhenti kerja akibat masalah kesihatan yang dihidapinya.

"Pada masa itu, saya berdepan masalah kekurangan modal untuk mengembangkan perniagaan sehinggalah saya diperkenalkan dengan program TUT oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

"Saya bersyukur kerana permohonan saya diterima dan layak menerima pinjaman buat kali pertama berjumlah RM5,000 pada tahun 2017.

"Wang itu saya gunakan untuk membeli peralatan yang diperlukan dalam pemprosesan roti kukus seperti pembakar, pengadun berprestasi tinggi, pengukus elektrik serta beberapa lagi keperluan lain untuk memulakan perniagaan," ujarnya.

Rozita berkata, selepas berjaya melangsaikan pinjaman TUT yang pertama, beliau kemudiannya membuat permohonan pinjaman kali kedua pada penghujung tahun 2018 dengan matlamat untuk meningkatkan lagi produktiviti perniagaannya.

"Saya berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM10,000 pada Disember 2020 yang mana saya gunakan wang ini untuk membina bengkel perniagaan selain mempelbagaikan lagi produk jualan seperti kek dan biskut raya.

"Alhamdulillah… dengan kelengkapan yang ada sekarang, saya mampu hasilkan 500 paket roti kukus dan berjaya memperoleh pendapatan kasar kira-kira RM8,000 setiap bulan.

"(Dan) sepanjang bulan Ramadan baru-baru ini, saya berjaya memperoleh hasil yang agak lumayan daripada jualan lapan jenis biskut raya yang dipasarkan di bawah jenama Yada Rieyta," jelasnya lanjut.

Ditanya mengenai keistimewaan produk jualannya, Rozita menyatakan bahawa roti kukus keluaran Yada Rieyta mempunyai sedikit kelainan kerana dihidangkan bersama dengan sos kastard yang dihasilkan khas menggunakan resipi sendiri.

"Biasanya roti kukus dimakan bersama dengan 'sekaya pandan' sebagai pencicah tetapi saya cuba hasilkan sos kastard hanya sekadar untuk mencuba sahaja tetapi tidak sangka pula ia mendapat sambutan yang sangat baik.

"Sekarang boleh dikatakan hampir semua pelanggan yang memesan roti kukus mahukan sos kastard sebagai pelengkap berbanding 'sekaya' sebagaimana lazimnya dijual oleh kebanyakan peniaga," ujarnya sambil menambah bahawa perkhidmatan penghantaran turut disediakan kepada pelanggan yang memesan produk jualannya secara dalam talian.

Tambah beliau, produk jualannya bukan sahaja mendapat permintaan di Pulau Pinang, malah pelanggan juga datang dari pelbagai negeri seperti Perlis, Kedah, Perak dan Pahang.

"Buat masa ini, saya masih tidak dapat pasarkan produk jualan di Sabah dan Sarawak atas faktor masa penghantaran kerana sos kastard tidak mampu bertahan lama.

"Saya juga mempunyai ejen-ejen di hampir semua negeri di bahagian semenanjung terutamanya di wilayah utara," ulasnya.

Berikutan permintaan terhadap produknya yang semakin bertambah, Rozita menyatakan bahawa beliau kini sedang berusaha untuk membeli peralatan yang lebih besar bagi meningkatkan lagi produktiviti.

"Sekiranya ada rezeki, saya merancang untuk membeli pengadun lebih besar supaya lebih banyak tepung mampu diadun dalam satu-satu masa berbanding hanya 7 kilogram sahaja sekarang ini.

"Saya juga mahu membeli pengukus elektrik bagi memudahkan pekerja kerana pengukus yang ada sekarang perlu dikendalikan secara manual dan memakan masa agak lama," katanya yang dibantu oleh empat orang tenaga kerja.



PROSES pembersihan bot yang sedang dijalankan.
ZOLKEPLI Hussain.


FUZIAH Man.

# USAHAWAN kembangkan perniagaan

Bagi yang berminat untuk mendapatkan produk makanan di bawah jenama Yada Rieyta boleh hubungi talian 018-461 3780 atau layari laman *Facebook* Yada Rieyta.

## Perkhidmatan mencuci bot nelayan

**ZOLKEPLI HUSSAIN**, 58, membuat keputusan untuk memohon pinjaman TUT selepas bengkel membaiki dan mencuci vesel ataupun bot nelayan yang diusahakan beliau terbakar kira-kira empat tahun lalu.

"Apabila bengkel membaiki bot terbakar, saya cuba memohon bantuan kewangan daripada Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang tetapi mereka sarankan saya untuk memohon pinjaman daripada Kerajaan Negeri.

"Selepas lebih enam bulan membuat permohonan, saya berjaya memperoleh RM5,000 yang mana saya gunakan untuk membaik pulih bengkel dan menambah beberapa peralatan yang diperlukan.

"Ini merupakan pinjaman pertama yang saya buat sejak menjalankan perniagaan ini lebih 30 tahun lalu," jelasnya ketika ditemui di premis perniagaannya dekat Kampung Bakau Tua, Penaga baru-baru ini.

Zolkepli memberitahu bahawa beliau kini sedang menunggu kelulusan bagi permohonan pinjaman TUT kali kedua berjumlah RM10,000 selepas pinjaman pertama berjaya diselesaikan akhir tahun lepas.

"Saya sangat-sangat memerlukan sumber kewangan untuk membina satu lagi *'slipway'* (galangan) mini dan membeli mesin penembak air khusus untuk mencuci bot nelayan berharga kira-kira RM2,800 seunit.

"Galangan yang ada sekarang ini tidak mampu menampung bilangan bot nelayan yang tidak putus-putus datang untuk mendapatkan perkhidmatan pembersihan.

"Sebenarnya, saya masih memerlukan RM20,000 tetapi saya dimaklumkan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bahawa pinjaman kali kedua hanya maksimum RM10,000 sahaja.

"Namun bagi saya jumlah itu memadai untuk membantu saya membina fasiliti baru ini," ujarnya sambil menambah bahawa beliau merupakan satu-satunya pengusaha perkhidmatan pembersihan bot yang ada di negeri ini ketika ini.

Tambah Zolkepli, setiap hari, beliau hanya dapat mencuci satu atau dua buah bot nelayan sahaja dengan bayaran yang dikenakan sebanyak RM80 hingga RM150 bergantung kepada saiz dan jenis enjin.

"Pelanggan saya bukan sahaja datang dari Seberang Perai tetapi juga dari bahagian pulau seperti Batu Ferringhi dan Teluk Bahang… paling jauh setakat ini adalah dari Yan serta Tanjong Dawai, Kedah.

"Kerja-kerja membersih bot pula hanya boleh dilakukan ketika air laut pasang kerana semasa air surut bot tidak boleh dinaikkan ke galangan," ulasnya.

Galangan atau '*slipway*' ini digunakan untuk membolehkan nelayan menjalankan proses penyelenggaraan vesel dengan mudah serta lancar.

Difahamkan, setiap galangan perlu dilengkapi dengan rel untuk memudahkan bot ditarik ke daratan, dan operasinya pula hanya memerlukan faktor pasang surut air laut tanpa perlu dibawa ke '*shipyard*' yang memerlukan kos yang tinggi.

## Produk garam belacan Mdm Zie's makin popular

Seorang lagi penerima, **FUZIAH MAN**, 42, yang merupakan pengusaha produk garam belacan menyatakan bahawa pinjaman TUT sangat membantu usahawan kecil yang memerlukan modal untuk mengembangkan lagi perniagaan masing-masing.

Bercerita lanjut mengenai perniagaannya, Fuziah berkata bahawa beliau bermula dengan hanya sekadar suka-suka pada tahun 2017.

Namun kata beliau, kini perniagaan garam belacan yang diusahakannya di bawah jenama Mdm Zie's telah berjaya dipasarkan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Saya buat keputusan untuk menjalankan perniagaan garam belacan kerana produk ini sangat sukar untuk diperoleh di pasaran dan belum ada mana-mana pengusaha yang mengkomersialkannya.

"Pada mulanya, pelanggan saya hanya terdiri daripada rakan-rakan terdekat sahaja tetapi permintaan semakin bertambah selepas saya mempromosikan produk garam belacan di platform media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*.

"Dari situlah saya mula menjalankan perniagaan garam belacan secara lebih serius," katanya yang merupakan seorang guru di sebuah sekolah menengah dekat Bandar Perda, Bukit Mertajam ketika ditemui Buletin Mutiara sempena wawancara khas baru-baru ini.

Fuziah memberitahu bahawa beliau menerima pinjaman TUT kali pertama berjumlah RM6,000 pada tahun 2017, dan kali kedua berjumlah RM10,000 pada tahun 2020 untuk mengembangkan lagi perniagaan garam belacannya.

"Pinjaman pertama saya gunakan bagi menampung kos pembungkusan yang mana pada masa itu saya gunakan jenama Cikgu Zie sebelum ditukar kepada Mdm Zie's untuk lebih komersial.

"Pada tahun 2020, saya mendapat bantuan geran daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membina bengkel sebagai tempat pemprosesan produk tetapi dengan syarat 30 peratus daripada kos pembinaan itu perlu ditanggung oleh usahawan sendiri.

"Jadi, bagi menampung kos 30 peratus itulah saya buat keputusan memohon pinjaman TUT sekali lagi berjumlah RM10,000 untuk menyiapkan bengkel yang memenuhi spesifikasi pensijilan halal," jelasnya lanjut.

Mengulas mengenai produk jualan Mdm Zie's, Fuziah menyatakan bahawa produk makanan garam belacan yang dipasarkan ketika ini mengandungi empat perisa iaitu masam manis, pedas dan original bagi memenuhi citarasa pelanggan yang berbeza.

"Ada juga pelanggan yang keliru di antara kuah rojak dengan garam belacan… oleh itu, saya juga hasilkan kuah rojak untuk membantu pelanggan membezakan kedua-dua produk ini.

"Produk garam belacan keluaran Mdm Zie's juga menggunakan pembungkusan yang lebih mesra pengguna dan mudah untuk dibawa ke mana-mana," katanya sambil menambah bahawa produk jualannya turut dipasarkan secara dalam talian melalui platform *Shopee*.

Ditanya tentang perancangan masa depan, Fuziah memberitahu bahawa beliau kini sedang berusaha untuk memperoleh pensijilan halal dan Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) bagi semua produk jualannya.

"Langkah ini bagi membolehkan produk Mdm Zie's dipasarkan secara lebih meluas termasuk di beberapa pasar raya besar seperti Mydin," katanya.

Produk garam belacan Mdm Zie's boleh didapati di Bangunan Wakaf Seetee Aisah dekat Seberang Jaya atau melalui platform *Shopee*.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi 016-507 7792 atau layari laman *Facebook* dan *Instagram* (Mdm Zie's).



SEBAHAGIAN produk Mdm Zie's.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| N.16 PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| N.07 SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| N.12 PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| N.15 PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| N.29 DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| N.37 BATU MAUNG<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| N.08 BAGAN JERMAL<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| N.22 TANJONG BUNGA<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| N.34 PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| N.28 KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| N.06 TELOK AYER TAWAR<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| N.09 BAGAN DALAM<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| N.11 PERMATANG PASIR<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| N.13 BERAPIT<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| N.14 MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| N.17 BUKIT TENGAH<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| N.18 BUKIT TAMBUN<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| N.19 JAWI<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| N.20 SUNGAI BAKAP<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| N.23 AIR PUTIH<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| N.24 KEBUN BUNGA<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| N.25 PULAU TIKUS<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikuskadun@gmail.com | (T) 04 - 228 5298<br>016 - 691 2548<br>016 - 415 2548 |
| N.27 PENGKALAN KOTA<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| N.30 SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| N.31 BATU LANCANG<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| N.32 SERI DELIMA<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| N.33 AIR ITAM<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| N.35 BATU UBAN<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| N.36 PANTAI JEREJAK<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.38 BAYAN LEPAS<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| N.39 PULAU BETONG<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| PENANG CARE SOCIETY | (Hotline)<br>(T) 04 - 291 0123<br>04 - 642 7777 |
| DAP PENANG HQ<br>dappenang@dapmalaysia.org | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| N.02 BERTAM<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| N.05 SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| N.10 SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 548 4541<br>(F) 04 - 548 4541 |
| N.21 SUNGAI ACHEH<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| N.40 TELUK BAHANG<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>Aida Yusof Rawa<br>aidarawa54@yahoo.com | (T) 019 - 338 2668 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |
| N.05 SUNGAI DUA<br>Muhammad Fitri Termizi<br>fitritermizi@amanah.org.my | (T) 011 - 3112 7702 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## INFO



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2022

| Nama | Telefon |
| --- | --- |
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Ahmad Tarmizi Jusoh | 012 - 487 7575 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Delakan a/l Ratha Krisnak | 012 - 584 4437 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jeffery Koay Kai Chin | 013 - 521 2868 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Tharani a/p Kesavan | 017 - 450 2431 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 46, KOMTAR<br>04 - 650 5105 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2022

| Nama | Telefon |
| --- | --- |
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dato' Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 017 - 567 0885 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nurhafiza Huda Idris | 017 - 450 5751 |
| Ooh Sin Hwa | 012 - 475 1669 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF
NUR ASHIKIN ISMAIL

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NASRUL AMIR YAHAYA

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11926
Peminjam : NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107****
NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608****
NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756****
NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 11929
Peminjam : FARAH LIYANA BINTI ROZALI - 89021607****
NO.25 LORONG TASEK MAJU 4, TAMAN TASEK MAJU 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : ROZALI BIN SERAT - 64032707****
2205 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD SHARIZAL BIN MD ISA - 84121202****
NO.269 TAMAN SENA, LABU BESAR 09010 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11930
Peminjam : MUHAMMAD ALIF DANIAL BIN AZMAN - 93120207****
NO 23 LORONG WANGSA CERIA 1 C, WANGSA MELAWATI 53000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : ZULIANA BINTI ZULKIFLI - 64070908****
E-1-15 PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : ZULKIFLY BIN MAT HASHIM - 73052009****
C-04-04 PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11933
Peminjam : ZULKIFLI BIN MD YUSOP - 91060907****
287 MK6 SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NORSHAHIDA BINTI MD YUSOP - 85062807****
NO.287 MK 6, SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD REDWAN BIN MD YUSOP - 83110407****
NO. 51-52 KAMPUNG BARU, KAMPUNG RAJA, CAMERAN HIGHLANDS 39010 PAHANG

No Akaun : 11937
Peminjam : MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502****
E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NURUL ANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107****
NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : FAIZAL BIN MD SAID - 84081807****
NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11941
Peminjam : ASMA NAZWIN BINTI MUHSIN - 92050807****
NO. 27 JALAN FORUM 4 7/31D, SEKSYEN 7, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1 : MUHSIN BIN SAID - 64081707****
NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FAZLIYATON BINTI AHMAD SUHAIMI - 73052707****
NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11946
Peminjam : MALATHI A/P PANNIR SELVAM - 85052107****
478 JALAN POKOK CHERRY, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : PANNIR SELVAM A/L VETRAYAN - 61050402****
NO.478 JALAN POKOK CHERRY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHANMUGAN A/L PANNIR SELVAM - 89042007****
NO.478 JALAN POKOK CHERRY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11950
Peminjam : NUR SAFINA IZWANI BINTI RUMLI - 94091307****
5426 KAMPUNG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : INTAN MASYITAH BINTI RUMLI - 86021835****
NO.5426 KAMPUNG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL NIZAM BIN RUMLI - 79032307****
NO.118 JALAN MERU IMPIAN 3, HALAMAN MERU IMPIAN, JELAPANG 30020 IPOH, PERAK

No Akaun : 11953
Peminjam : NOOR SYAFIQAH BINTI CHE OMAR - 89100802****
2908 MUKIM 12, JALAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : CHE OMAR BIN ABDULLAH - 62010107****
NO.2908 MUKIM 12, JALAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NOOR AZRUL BIN YAHAYA - 82041507****
NO.365 PERMATANG TOK JAYA 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 11962
Peminjam : MARDHIYAH BINTI MOHAMAD - 92032307****
24 JALAN LILI 1/4, BANDAR BESTARI PERDANA 81700 PASIR GUDANG, JOHOR
Penjamin 1 : SITI BADARIAH BINTI MOHAMAD - 81071809****
NO.16 LORONG PAUH JAYA 4/2, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUHAMMAD SOFWAN BIN MOHAMAD - 83042002****
NO.1 TINGKAT BAWAH (B1), PANGSAPURI IDAMAN, JALAN BARU 13500 TAMAN PAUH, PERAI

No Akaun : 11964
Peminjam : ISA ABDUL HADI BIN MOHD SALLEH - 94080707****
NO.178 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ALI SYARI ATI BIN MOHD SALLEH - 85010307****
NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AMEEN HUSSAINI BIN MOHD SALLEH - 83052907****
NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11973
Peminjam : SITI NUR BAYA BINTI IDRIS - 88042407****
198D JALAN BURMA , GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD SHAHRIL BIN SHAFIE - 87051535****
NO. 30 PINTAS SEMBILANG 13, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AHMAD KHAIRUL NIZAM BIN ARIF - 85031907****
NO. 273 JALAN DATO KRAMAT, KAMPUNG MAKAM 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 11978
Peminjam : AFIZA BINTI MOHD ZAINI - 88093035****
SMA AL-AHMADIAH AL-IJTIMAIAH, JALAN PADANG LALANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NADIA BINTI MOHD ZAINI - 87082735****
NO.190 LORONG KEMUNING 3, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMAD SYAFIQ BIN SUHAIMY - 88062635****
NO.534 MUKIM 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11984
Peminjam : SHARREMHELAAN A/L GOBALA KRISHNAN - 95081507****
NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : GOBALA KRISHNAN A/L V MUNIANDI - 59043007****
NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : KOMALA A/P P M SUBRAMANIAN - 68062707****
NO.15 LORONG MELUR 14, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH

## Pertandingan Melukis Poster - 2/2022




### Terma dan syarat

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan, "Penang Harmoni, Syawal Kita Rai, SOP dipatuhi - Ilustrasi Anda" dan berserta dengan logo Penang2030 dan Buletin Mutiara.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-650 5256.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara,
    Pertandingan Melukis Poster - 2/2022,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Tarikh peraduan: 1 April 2022 – 30 Jun 2022**

Nama: ..........................................

Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................

..........................................

No. Telefon : (Rumah) ..........................................

(Bimbit) ..........................................

Emel: ..........................................

(Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.)

# CIPTA REKOD MBOR

## sihat ikut amalan sunnah




**AHMAD Faizal Mohd. Lazim menunjukkan sijil MBOR dalam acara *'Longest Non Stop Spin Bike Relay'* milik beliau.**




**KETUA Menteri sebagai tetamu kehormat bersama-sama meraikan kejayaan Ahmad Faizal Mohd. Lazim.**

**BERMULA** hanya secara solo sekitar tahun 2015, kini **AHMAD FAIZAL MOHD. LAZIM** berjaya mengharumkan nama Pulau Pinang setelah berjaya memecah rekod di *Malaysia Book of Records* (MBOR) dalam acara *'Longest Non Stop Spin Bike Relay'* pada Mac lalu.

Ahmad Faizal yang kini bergerak secara berpasukan yang digelar sebagai *Stay Fit Is Sunnah* terlibat dalam menjayakan percubaan memecah rekod kayuhan selama 100 jam tanpa henti.

"Seramai 120 peserta berminat untuk mengambil bahagian dan hanya 30 orang berjaya terlibat secara langsung menjayakan kayuhan berkaitan.

"Sejujurnya, saya amat teruja dan kagum akan semangat generasi muda yang bermotivasi untuk kekal sihat dan cergas walaupun di peringkat awal usia," katanya yang juga jurulatih bagi pasukan tersebut.

Ditanya mengenai faktor pemangkin utama penglibatannya di dalam MBOR, Ahmad Faizal sempat berkongsi semasa sesi wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**.

"Semasa sedang menunaikan ibadah solat, saya telah mendapat ilham untuk melakukan sesuatu yang berbeza, iaitu mengikuti sunnah Nabi dengan mementingkan kesihatan tubuh badan dan mendapat ganjaran pahala apabila melakukannya.

"Kemudian, saya menyerahkan kertas kerja kepada pihak MBOR dan alhamdulilah diluluskan semasa bulan Januari yang lalu serta berterusan menjalani latihan selama dua jam sepanjang tempoh dua bulan," jelasnya.

Dalam nada bersyukur, Ahmad Faizal memberitahu bahawa beliau memulakan kayuhan pada 23 Mac 2022 jam 2 petang dan berakhir pada 27 Mac 2022 jam 6 petang iaitu membabitkan keseluruhan tempoh 100 jam.

Difahamkan, Ahmad Faizal merupakan jurulatih bertauliah yang telah mengajar selama hampir 10 tahun.

"Saya turut mengadakan kelas latihan di Pusat Hidayatul Islam sebanyak dua kali seminggu yang disertai kanak-kanak seawal usia 6 hingga 7 tahun dan majoritinya beragama Islam.

"Bukan itu sahaja, pada hari Rabu, Jumaat dan Sabtu pula, saya mengadakan kelas *Fear Fitness* di Tanjung Tokong manakala pada hari yang lain terlibat dalam aktiviti mendaki bukit ekoran permintaan anak-anak murid," jelasnya yang bekerja sebagai Eksekutif Kanan di salah sebuah institusi perbankan di Relau.

Lebih mengharukan, menurut Ahmad Faizal, usahanya itu turut mendapat pujian daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kerana mengharumkan nama Pulau Pinang pada peringkat nasional.

"Sesungguhnya, saya tidak menyangka akan mendapat sambutan sebegini kerana pasukan kami hanya 'biasa-biasa' sahaja, diharapkan kami akan mendapat doa serta sokongan pihak umum secara berterusan bagi membolehkan nama Pulau Pinang dijulang lagi.

"Di samping itu, saya turut merancang untuk menghantar kertas kerja ke *Asia Book of Records* dan *Guinness World Records* pada masa akan datang mungkin dalam acara larian bergilir-gilir tanpa henti selama 48 jam serta berkolaborasi bersama-sama badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan," kongsinya yang ingin menganjurkan lebih banyak aktiviti kecergasan.

Mengakhiri sesi temu ramah, Ahmad Faizal menyeru kepada generasi muda untuk melibatkan diri dengan aktiviti sukan agar tidak terjebak dalam masalah gejala sosial.

"Pada era ini, terdapat ramai generasi muda yang terlibat dengan kancah yang tidak sihat seperti dadah dan sebagainya, justeru, adalah diharapkan dengan penglibatan mereka dalam pasukan ini, mereka akan terhindar dan lebih berdisiplin.

"Ia memang memenatkan, tetapi kita dapat mencipta suasana yang terbaik untuk sihat di samping dapat mengikut amalan sunnah," tuturnya sambil menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.




**RAKAMAN gambar kenangan ketika memecah rekod MBOR pada 27 Mac lalu.**

# Sasar 70 peratus kadar kitar semula akhir tahun

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **EXCO**

**BATU MAUNG –** Kerajaan Negeri meletakkan sasaran kadar kitar semula 70 peratus menjelang akhir tahun 2022.

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, peratusan kitar semula negeri Pulau Pinang kini adalah pada kadar 51.18 peratus.

"Jumlah itu (51.18 peratus) mengatasi kadar kitar semula peringkat kebangsaan iaitu 31.52 peratus pada tahun 2021.

"Jadi penetapan kadar kitar semula 70 peratus menjelang hujung tahun ini… saya percaya ia mampu dicapai kerana kita (Pulau Pinang) berada pada landasan yang betul.

"Kita melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) juga mempunyai beberapa program yang sedang dan bakal dilaksanakan untuk mencapai objektif tersebut," ujarnya pada sidang media ketika mengadakan lawatan ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Batu Maung 15 Mac lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, 'Aisyah Md. Norodin dan Pengarah Eurasia Sdn. Bhd., Kenny Yeoh.

Mengulas lanjut mengenai program-program berkaitan yang dilaksanakan, Jagdeep memaklumkan bahawa pada tahun 2021, pihak MBPP telah menjalankan 45 aktiviti gotong-royong, pembersihan pantai (6) dan berkaitan guna semula (18).

"Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga pada tahun lalu telah menjalankan 24 aktiviti gotong-royong dan program ekokomuniti (99).

"Selain itu, sejak tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui PBT telah menggerakkan usaha pengasingan sisa di punca bagi memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah di Pulau Burung," jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat itu lagi.

Dalam pada itu, bercakap kepada pemberita, Rajendran memberitahu bahawa Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung menjadi transit kepada 730 tan sampah sehari bagi tahun 2022 berbanding 740 tan sehari pada 2021.

"Dalam menjamin kebersihan kawasan pulau pada tahap optimum, tahun lalu, MBPP telah menjalankan 69 operasi penguatkuasaan serta 4,289 pemeriksaan premis, mengeluarkan 41 notis dan 11 kompaun ekoran tidak melakukan pengasingan sisa di punca," katanya.



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) menunjukkan sisa pokok dan tumbuhan yang dikitar semula untuk tujuan kompos dekat Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung di sini baru-baru ini.


ORANGE
RESIDENCE

Hakmilik Kekal

5% Diskaun untuk Bumiputera

Berpagar & Berpengawal



Rumah Berkembar 3 Tingkat

Luas Tanah : 32' x 71'
Luas Binaan: ±3,245kp



Rumah Teres 3 Tingkat (Pemandangan Kolam Renang)

Luas Tanah : 22' x 72'
Luas Binaan: ±3,108kp



Rumah Teres 3 Tingkat (Tipikal)

Luas Tanah : 22' x 72'
Luas Binaan: ±3,050kp

* Rumah Contoh tersedia untuk dikunjungi dengan temu janji sahaja

* Lokasi yang Strategik
* Berhampiran dengan Lotus's Bagan Ajam

* Jenis Kemudahan

a) Gimnasium
b) 24-Jam Kawalan Sekuriti
c) Kolam Renang dengan Jakuzi
d) Kolam Renang untuk Kanak - kanak
e) Kawalan Litar CCTV
f) Bilik Stim
g) Taman Lanskap
h) Sudut Rekreasi
i) Sistem Kad Akses
j) Dewan Serbaguna

Pemaju:
Solidwin Property Sdn.Bhd. (1153651-M)
Lot 2963 & 2964, Mukim 16, Kawasan Perindustrian Acku, Bagan Lalang, 13400 Butterworth, Pulau Pinang.
sales.solidwin@gmail.com
017-688 7898
017-528 3898

Pelan Lokasi




Nama Projek : Orange Residence (Taman Oren) . No. Lesen Pemaju : 19531-1/10/2022/02990(L) . Sah dari 30/10/2021 hingga 29/10/2022 . No. Permit Iklan : 19531-1/10/2022/02990(P) Sah dari 30/10/2021 hingga 29/10/2022 . No. Pelan Bangunan : MPSP/70/3-21/19 B.1 . Kelulusan Pihak Berkuasa : Majlis Perbandaran Seberang Perai . Bebanan Tanah : CIMB Bank Berhad . Tarikh Dijangka Siap : Disember 2022 . Jumlah Unit : 134 unit Rumah Teres 3 Tingkat . Harga Jualan RM1,250,800.00 (min) ke RM1,636,800.00 (mak) . 4 unit Rumah Berkembar 3 Tingkat . Harga Jualan RM1,880,800.00 (min) ke RM2,028,800.00 (mak).

## Bakat Si Cilik - Mewarna 2/2022




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) : ____________

Emel: ____________________

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 April 2022 hingga 30 Jun 2022.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 2/2022,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM600**
**Kedua: RM400**
**Ketiga: RM200**
**5 Hadiah Saguhati**

baucar-baucar hotel & percutian